

26 DEC 1999

Zaharah-Menteri

MENTERI BOLEH JADI PENASIHAT BADAN-BADAN SOSIAL, KATA ZAHARAH

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata hari ini kod etika Menteri tidak melarang mereka daripada bertindak sebagai penasihat dalam badan-badan sosial atau yayasan.

Bagaimanapun, ia tertakluk kepada undang-undang yang ada pada kementerian masing-masing serta akta-akta yang meliputi badan-badan atau yayasan berkenaan, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai kod etika itu yang dilaporkan dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat pertama Kabinet yang baru pada 15 Dis lepas.

Sebelum itu, Siti Zaharah menyampaikan bantuan Hari Raya kepada fakir miskin anjuran Persekutuan Muslimin Indo Malaysia (Permin) di auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sini.

Kod etika 13 muka surat itu berkaitan tanggungjawab Menteri dan 14 halaman membabitkan etika yang perlu dipatuhi oleh semua Menteri dalam Kabinet.

Antaranya, seorang Menteri tidak boleh mempunyai kepentingan dalam perniagaan milik keluarganya, menjawat jawatan dalam perniagaan dan harus keluar daripada mesyuarat jika ia mempunyai hubung kait dengan keluarga mereka.

Mengenai kod etika itu, Siti Zaharah berkata selain bertindak sebagai panduan dalam menjalankan tugas, ia juga dapat membantu menteri memberi tumpuan yang lebih dalam melaksanakan misi mereka.

"Kod etika ini juga membuktikan kerajaan Barisan Nasional telus, amanah dan bersikap adil," katanya.

Pada majlis itu, Permin menghulur bantuan hari raya dalam bentuk wang tunai iaitu RM200 seorang dan barang keperluan lain kepada kira-kira 600 orang miskin di sekitar Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MEO LAT